

250
NO. SOALAN: 398

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG]

RUJUKAN : 10428

PERTANYAAN:

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk setiap penjara di Malaysia, jumlah had kapasiti setiap penjara dan jumlah banduan yang terkini dikurung dan sekiranya ada penjara yang telah melebihi kapasiti asal, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 9 Oktober 2017, menunjukkan seramai 54,517 orang banduan sedang menjalani hukuman di penjara seluruh negara. Sebagai rekod, kapasiti penjara pada masa ini hanya boleh menampung seramai 45,360 orang banduan.

Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah berikut bagi menangani masalah kepadatan penjara:

- (i) memindahkan banduan dari penjara sesak ke penjara yang tidak sesak;**
- (ii) melaksanakan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Pusat Pemulihan Pemasyarakatan yang mana kini telah melibatkan seramai 29,598 orang banduan;**
- (iii) meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ke penjara selepas mereka dibebaskan;**
- (iv) mengubahsuai penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti;**

- (v) kerjasama dengan mahkamah dan Jabatan Imigresen bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman; dan
- (vi) meneliti alternatif lain kepada hukuman pemerjaraan dan pelaksanaan program pemulihan di luar penjara yang mungkin boleh dilaksanakan di Malaysia.